



**INTERNATIONAL JOURNAL OF LAW,  
GOVERNMENT AND COMMUNICATION  
(IJLGC)**  
[www.ijlgc.com](http://www.ijlgc.com)



**KEARIFAN TEMPATAN DALAM PENGGUNAAN AIR  
SEMBILAN KETIKA PROSES MEMANDIKAN JENAZAH  
MASYARAKAT MELAYU**

*LOCAL WISDOM IN THE USE OF AIR SEMBILAN DURING THE PROCESS OF  
BATHING THE DECEASED IN MALAY SOCIETY*

Muhammad Yusri Yusof @ Salleh<sup>1\*</sup>, Mohd Anuar Ramli<sup>2</sup>, Paiz Hassan<sup>3</sup>, Mohd Zahirwan Halim  
Zainal Abidin<sup>4</sup>, Mohd Farhan Abd Rahman<sup>5</sup>, Ideris Isahak<sup>6</sup>

- <sup>1</sup> Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA, Cawangan Perak, Kampus Seri Iskandar, 32610 Perak, Malaysia  
Email: yusri613@uitm.edu.my
- <sup>2</sup> Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia  
Email: mohdanuar@um.edu.my
- <sup>3</sup> Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA, Cawangan Perak, Kampus Seri Iskandar, 32610 Perak, Malaysia  
Email: paiz4186@uitm.edu.my
- <sup>4</sup> Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA, Cawangan Perak, Kampus Seri Iskandar, 32610 Perak, Malaysia  
Email: mohdz560@uitm.edu.my
- <sup>5</sup> Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA, Cawangan Perak, Kampus Seri Iskandar, 32610 Perak, Malaysia  
Email: farhan84@uitm.edu.my
- <sup>6</sup> Pegawai Hal Ehwal Islam, Bahagian Penyelidikan, Jabatan Agama Islam Perak (JAIPk), Perak, Malaysia  
Email: iderisukmjaipk@gmail.com
- \* Corresponding Author

**Article Info:**

**Article history:**

Received date: 20.10.2023

Revised date: 15.11.2023

Accepted date: 11.01.2024

Published date: 01.03.2024

**To cite this document:**

Salleh, M. Y. Y., Ramli, M. A., Hassan, P., Abidin, M. Z. H. Z., Abd Rahman, M. F., & Isahak, I. (2024). Kearifan Tempatan Dalam

**Abstrak:**

Kematian adalah perkara yang amat bermakna dalam kehidupan masyarakat Melayu. Ia menggambarkan proses akhir hidup di dunia. Kematian menjadi langkah pertama dalam menempuh alam akhirat. Justeru, masyarakat Melayu sangat menitik beratkan kesempurnaan pengurusan jenazah bagi memberi penghormatan terakhir jenazah. Bermula daripada sakaratul maut sehingga selepas pengebumian dilaksanakan, pelbagai amalan yang berasaskan unsur syariat dan kearifan tempatan dipraktikkan bagi memastikan kesempurnaan pengurusan jenazah. Antara amalan yang sarat dengan kearifan tempatan ialah penggunaan air sembilan dalam proses memandikan jenazah. Penggunaan air sembilan ini meluas dalam kalangan pemandi jenazah Melayu Muslim. Penulisan ini menumpukan kepada fungsi dan sebab amalan tersebut

Penggunaan Air Sembilan Ketika Proses Memandikan Jenazah Masyarakat Melayu. *International Journal of Law, Government and Communication*, 9 (35), 01-13.

DOI: 10.35631/IJLGC.935001

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



dilaksanakan. Kajian ini hanya memfokuskan kepada kearifan tempatan dalam penggunaan air sembilan ketika memandikan jenazah masyarakat Melayu. Kajian ini menghuraikan praktik amalan yang dilaksanakan dan menjelaskan sebab dan fungsi sesuatu amalan dilaksanakan. Bagi mencapai objektif tersebut, penulisan ini akan memfokuskan kajian literatur terhadap literatur sedia ada daripada jurnal-jurnal elektronik, kitab-kitab klasik berbahasa Arab dan dua manuskrip yang menjadi rujukan asas kepada pengurus jenazah Melayu Muslim nusantara iaitu Sabil al-Muhtadin dan Bughyah al-Thullab serta amalan yang dilaksanakan di lapangan. Bagi mencapai objektif tersebut, kajian ini akan menggabungkan kajian kepustakaan dan lapangan yang berasaskan metode temubual. Data kualitatif yang dikumpulkan akan dianalisis kandungannya secara tematik bagi merumuskan kearifan tempatan pada penggunaan air sembilan ketika proses memandikan jenazah. Hasil dapatan kajian ialah terdapat perbezaan cara penggunaan air sembilan, namun penggunaannya mempunyai empat fungsi kearifan tempatan iaitu fungsi membersihkan tubuh jenazah, pelepas kepada amalan kebatinan dan mistik, menghilangkan kesan air mandian yang digunakan untuk permulaan sihir di Alam Melayu dan penyembuhan kepada beberapa penyakit fizikal dan rohani.

#### **Kata Kunci:**

Fiqh Tempatan, Air Sembilan, Kearifan Tempatan, Adat Kematian, Mandi Jenazah

#### **Abstract:**

Death is a matter of great significance in Malay society. It depicts the final process of life in this world. Death marks the first step in traversing the afterlife. Therefore, Malay society places great emphasis on the perfection of funeral management to provide a final tribute to the deceased. Starting from the death throes until after the burial is carried out, various practices based on Sharia and local wisdom are implemented to ensure the perfection of funeral management. Among the practices rich in local wisdom is the use of nine waters in the process of bathing the deceased. The use of these nine waters is widespread among Malay Muslim corpse washers. This writing focuses on the function and reasons behind the implementation of this practice. The study only focuses on local wisdom in the use of nine waters during the bathing of the deceased in Malay society. This study describes the practice of the implemented rituals and explains the reasons and functions of each practice. To achieve this objective, the writing will focus on a literature review of existing literature from electronic journals, classical Arabic-language books, and two manuscripts that serve as basic references for the management of Malay Muslim corpses in the Nusantara, namely Sabil al-Muhtadin and Bughyah al-Thullab, as well as practices carried out in the field. To achieve this objective, the study will combine literature and field research based on interview methods. Qualitative data collected will be thematically analyzed to formulate local wisdom in the use of nine waters during the process of bathing the deceased. The findings of the study indicate variations in the way nine waters are used, but their usage has four functions of local wisdom, namely cleansing the body of the deceased, releasing spiritual and mystical practices, eliminating the effects of bathing water used for the beginning of magic in the Malay world, and healing some physical and spiritual ailments.

#### **Keywords:**

Local Jurisprudence, Air Sembilans, Local Wisdom, Death Customs, Corpse Bathing

## Pendahuluan

Masyarakat Melayu sangat mementingkan aspek budaya. Ia menjadi sebahagian daripada amalan yang diwarisi secara turun temurun. Orang Melayu mempunyai budaya yang diamalkan ketika dalam pelbagai situasi termasuklah ketika perayaan, perkahwinan, kelahiran, menyambut bulan-bulan tertentu dan kematian. Budaya yang diamalkan menggambarkan kehalusan budi dan sebagai bentuk penghormatan dalam sesuatu upacara yang disambut. Kematian juga antara perkara yang mempunyai adat yang khusus. Pengurusan kematian dilakukan dengan sebaik mungkin sebagai bentuk penghormatan kepada si mati dan bentuk sokongan sosial kepada keluarga si mati. Secara kebiasaannya, orang Melayu membahagikan adat kematian kepada empat fasa iaitu; fasa sakit, fasa sakaratul maut, fasa selepas kematian, fasa pasca kematian. Penggunaan air sembilan termasuk dalam fasa selepas kematian iaitu ketika memandikan jenazah. Air sembilan antara proses penting ketika memandikan jenazah. Ia biasanya dipraktikkan oleh pengurus jenazah bagi memastikan kebersihan jenazah sebelum ia dikafankan. Selain daripada itu, lebih air sembilan ketika memandikan jenazah juga digunakan sebagai penyembuh penyakit fizikal seperti rawatan kepada demam, sakit kepala serta mengembalikan seri wajah. Ia juga digunakan sebagai rawatan kepada penyakit rohani seperti pelepas amalan kebatinan dan badi jenazah. Amalan ini mempunyai simbolik tertentu. Justeru itu, objektif utama penulisan ini ialah bagi menghuraikan simbolik penggunaan air sembilan daripada perspektif kearifan tempatan yang menghuraikan fungsi tersurat dan tersirat penggunaannya.

## Kajian Literatur

### *Definisi Mandi Jenazah*

Mandi Jenazah ialah perbuatan meratakan air ke seluruh tubuh jenazah dengan membuang najis, kotoran dan benda yang menghalang air dari sampai ke seluruh tubuh jenazah. Mandi jenazah dilakukan setelah keluar roh daripada jasad seseorang. Dalam budaya masyarakat Melayu, proses memandikan jenazah dilakukan dengan sangat teliti bagi memastikan tubuh jenazah bersih daripada kotoran yang keluar daripada tubuh jenazah seperti air kecil dan besar, darah, nanah, mukus atau kotoran dan penghalang air daripada sampai air ke tubuh jenazah seperti cat, tatu, balutan, getah dan lain-lain (Al-Shirazi, 1992). Daripada amalan ini, terhasil panduan memandikan jenazah dari para ulama alam Melayu yang dipanggil dengan air sembilan (al-Fatani, t.t.; al-Banjari, t.t.).

### *Mandi Jenazah daripada Perspektif Fiqh*

Para ulama bersepakat hukum memandikan jenazah ke atas individu yang hidup adalah fardu kifayah (Wizarah Auqaf, 1989). Al-Tahtawi: 2019), menyatakan bahawa hukum memandikan jenazah adalah wajib di sisi Jumhur Ulama, namun ada sebilangan ulama Mazhab Malikiyah, berbeza pandangan tentang tujuan mandi, adakah ia untuk membersihkan jenazah atau ia adalah unsur ibadah yang bersifat *ta'abbudi* atau merangkumi makna bersih dan *ta'abbudi*. Ibnu al-Arabi al-Maliki memilih pandangan yang merangkumi makna bersih dan *ta'abbudi*, manakala al-Maziri memilih pandangan ia sebagai mandian yang membersihkan jenazah untuk persediaan bertemu dengan penciptanya.

Al-Ghaith (2019) mengemukakan bentuk mandian jenazah yang dipraktikkan di negara Arab. Kebanyakannya adalah hampir sama dengan praktik mandi jenazah di Alam Melayu kecuali beberapa langkah yang bersifat kearifan tempatan. Perbincangan dikemukakan dengan penyediaan air bidara dan air kapur barus untuk digunakan ketika memandikan jenazah. Air bidara disediakan dengan sukatan secawan daun bidara dengan 4 liter air mutlak, manakala

untuk air kapur barus menggunakan campuran dua ketul kapur barus yang dihancurkan dengan 4 liter air mutlak. Penulis mencadangkan agar jumlah air digunakan adalah mengikut kesesuaian tubuh jenazah dan kekotoran yang ada pada jenazah. Penulisan ini tidak menyebut berkaitan penggunaan air sembilan secara istilahnya dan secara praktikalnya.

Al-Hamd (1432H) menyatakan bahawa cara menggunakan daun bidara ketika memandikan jenazah ialah dengan menghancurkan dan mencampurkannya dengan air mutlak. Penulis juga menyatakan bahawa antara fungsi air kapur barus ialah untuk proses pengawetan jenazah, mengelakkan dari rongga jenazah didekati oleh serangga dan fungsi utamanya ialah mewangikan jenazah. Penulis juga menyatakan bahawa secara sunnahnya, dimandikan jenazah dengan 3 kali mandian atau 5 kali mandian atau boleh dimandikan lebih daripada 5 kali jika ada keperluan. Berasaskan hadis Nabi, penulis ini mencadangkan air kapur barus digunakan pada siraman terakhir bagi mendapatkan kesan yang maksima.

Al-Tawati (2010) telah mengemukakan bentuk tiga mandian seperti yang dikemukakan dalam hadis secara praktik. Mandian pertama mengandungi beberapa perkara antaranya ialah: membasuh tangan mayat tiga kali, meruang perut jenazah, membersihkan najis yang keluar dari kemaluan, membersihkan badan jenazah, memasukkan air pada hidung dan mulut untuk tujuan mencuci, membersihkan gigi jenazah, mewudukkan jenazah, membasuh kepalanya tiga kali, membasuh anggota kanan tiga kali dan membasuh anggota kiri tiga kali. Manakala mandian kedua pula adalah mandian menggunakan daun bidara dan sabun. Mandian ini untuk menyucikan tubuh. Mandian ketiga pula ialah mandian dengan menggunakan kapur barus dan pewangi. Jika perlu ditambah, boleh ditambah sehingga tubuh jenazah bersih daripada kekotoran.

Al-Shirazi (1992) dalam al-Muhazzab menjelaskan cara memandikan mayat dengan mencadangkan akan proses meruang dijalankan terlebih dahulu. Tindakan meruang ini dapat mengeluarkan najis yang tertinggal di dalam perut mayat. Jika meruang tidak dijalankan, najis itu akan keluar ketika proses kafan mayat dan akan menyebabkan kain kafan menjadi kotor. Selesai proses meruang, proses mandi dicadangkan dimulakan daripada bahagian atas tubuh jenazah bermula daripada kepala seperti mandian yang dilakukan oleh manusia yang hidup, diikuti dengan mayat diwudukkan. Dibasuhkan jari jemarinya, dibersihkan giginya, tidak dipotong kuku dan membersihkan kotoran di bawah kukunya. Kemudian mayat dimandikan dengan tiga kali mandian dengan setiap kali mandian dimulakan daripada kepala, janggut, membersihkan gigi, seterusnya membasuh bahagian kanan, diiringkan ke kanan dan ke kiri untuk membasuh bahagian belakang. Dicapangkan basuhan pertama ialah dengan menggunakan air campuran bidara kerana ia akan membersihkan tubuh dan anggota mayat, dan siraman akhir dengan menggunakan air campuran kapur barus sebagai proses pengawetan mayat. Al-Shirazi juga menyatakan terdapat khilaf dalam kalangan *ashab* al-Shafii berkaitan adakah siraman menggunakan air yang dicampur dengan air bidara dikira sebagai satu siraman atau tidak. Abu Ishak menyatakan bahawa siraman itu dikira sebagai satu siraman, manakala sebahagian lagi mengatakan bahawa siraman itu tidak dikira dan hendaklah disiram menggunakan air mutlak sebanyak 3 kali, 5 kali atau lebih mengikut keperluan.

Daripada penulisan-penulisan di atas, tiada disebut dengan jelas berkaitan air sembilan yang menjadi amalan orang Melayu ketika memandikan jenazah. Yang paling dekat dengan amalan air sembilan yang dipraktikkan oleh orang Melayu ialah apa yang dikemukakan oleh al-Tawati (2010) dan al-Shirazi (1992) yang didapati daripada langkah-langkah memandikan jenazah. Al-Muhazzab karangan al-Shirazi antara rujukan penting fiqh mazhab Shafii yang dipraktikkan

di Alam Melayu. Langkah-langkah memandikan jenazah adalah hampir sama, namun yang membezakannya ialah penetapan bilangan mandian dan penggunaan bahan alami yang banyak di dapati di rantau Alam Melayu.

Saipolbarin et.al. (2018) ketika menghuraikan leksikologi bahasa Arab berkaitan kapur barus mengambil pandangan al-Zahabi yang menyatakan antara fungsi air campuran kapur barus digunakan sebagai bilasan akhir mandian jenazah ialah untuk menghilangkan bau busuk, mengelakkan daripada mayat dihinggapi lalat dan menyebabkan mayat tahan lama dan tidak mudah reput. Kajian ini menyatakan fungsi kapur barus, dan terhad kepada perbincangan leksikologi perkataan kapur dalam al-Quran, tidak membincangkan aspek air sembilan walaupun terdapat perbincangan berkaitan fungsi penggunaan air kapur barus yang merupakan antara elemen air sembilan dalam masyarakat Melayu. Yasnel (2018) menyebut dalam penulisan bagaimana praktik memandikan jenazah di Indonesia dengan menyebutkan secara ringkas tanpa menyebut penggunaan air sembilan. Penulis membuat kesimpulan tentang batas minima mandi jenazah ialah; pertama, menghilangkan najis yang berada pada tubuh jenazah. Kedua meratakan air pada tubuh jenazah.

#### ***Air Sembilan dalam Kitab Fiqh Klasik Alam Melayu***

Air sembilan ialah kaedah memandikan jenazah dengan urutan tertentu yang menggunakan air mutlak, air bidara dan air kapur barus. Kaedah ini dinamakan air sembilan kerana ia melibatkan sembilan kali jirusan air terhadap jenazah. Unikunya walaupun melakukan sembilan kali jirusan, ia tetap dianggap sebagai tiga kali jirusan yang menepati sunnah Nabi SAW. Air sembilan yang terkenal dalam kalangan orang Melayu berasal daripada cadangan mandian mayat yang dikemukakan oleh Sheikh Arsyad al-Banjari dalam kitabnya Sabil al-Mutadin dan Sheikh Daud al-Fatani daripada kitabnya Bughyah al-Thullab. Dua kitab ini menjadi rujukan para ilmunan semasa dan masih dibaca di halaqah ilmu di pondok, pesantren dan masjid-masjid di seluruh nusantara. Pengurus-pengurus jenazah juga tidak terkecuali daripada merujuk dua kitab ini sebagai asas kepada cara mandian jenazah. Kebanyakan pengurus jenazah menamakan cara mandian ini dengan gelaran mandian al-Banjari dan mandian al-Fatani. Dalam Sabil al-Muhtadin dapat disimpulkan bentuk mandian al-Banjari dikemukakan dengan dua cara (t.t.):


‘Diketahui dari yang diterangkan di atas bahawa kalau telah suci tiga kali yang bererti sembilan kali mandi dan untuk melaksanakan yang tersebut ada dua cara: cara yang pertama dimandikan dengan air bidara baru dimandikan dengan air bersih yang tidak bercampur dengan daun bidara dan bukan pula air bekas pembasuh daun bidara. Tiga kali mandi yang seperti itu yang dihitung hanya sekali ialah mandi dengan air bersih. Dan mandi yang seperti inilah yang menggugurkan wajib. Sesudah itu dimandikan lagi dengan air bidara kemudian dengan air yang menghilangkan daun bidara dan seterusnya dengan air bersih. Dan sesudah itu dimandikan lagi dengan air daun bidara dan dengan air untuk menghilangkan bidara dan seterusnya dengan air bersih. Dan inilah enam kali mandi yang dihitung hanya dua kali air bersih dan kedua kali ini bukan menggugurkan yang wajib tetapi hanya sunat untuk menigai. Cara kedua dimandikan dengan air daun bidara kemudian dengan air yang menghilangkan daun bidara, dimandikan lagi dengan air daun bidara kemudian dengan air yang menghilangkan daun bidara kemudian dimandikan dengan air bidara sesudah itu dengan air yang menghilangkan daun bidara jadi jumlahnya enam kali yang tidak dihitung, kemudian dimandikan dengan air bersih tiga kali berturut-turut maka yang tiga kali ini yang dihitung pertama yang menggugurkan wajib dan yang kedua dan yang ketiga hanya sunat menigai. Cara yang kedua inilah yang terlebih baik.



Kedua cara ini juga dicadangkan oleh Sheikh Daud al-Fatani dalam kitabnya Bughyah al-Thullab (t.t.):

‘Dan disunatkan pada segala perintah mandi yang disebutkan itu, dimasukkan dengan air daun bidara dan seumpamanya kemudian dihilangkan dengan air semata-mata akan bekas air bidara itu. Kemudian dimandikan ia dengan air *khalis* dari kepalanya hingga kakinya seperti perintah yang tersebut itu. Ini sudah tiga kali mandi, kemudian hendaklah diperbuatnya kemudian pula iaitu dimandikan dengan air bidara dan kemudian dengan air yang menghilangkan daun bidara kemudian maka dengan air yang *khalis*. Ini enam kali kemudian dimandikan dengan air bidara kemudian air yang menghilangkan air bidara kemudian maka dengan air yang *khalis*. Ini sembilan kali yang dinamakan air sembilan. Maka pada bilang yang melepaskan wajib itu dengan air *khalis* yang tiganya itu jua maka yang lain hanya menghasilkan sunat menigainya. Dan bermula *kaifiat* yang terlebih afdalnya dibasuh dengan air bidara kemudian dibasuh dengan air yang menghilangkan air bidara kemudian dibasuh dengan air bidara kemudian dibasuh dengan air yang menghilangkan air daun bidara ini enam kali hanyalah sunat jua. Kemudian dimandikan air yang semata-mata dari kepalanya hingga kakinya tiga kali dan yang tiga kemudian ini dinamakan mandi dan dahulu itu menghasilkan sunat jua dan yang menggugurkan wajibnya itu mandi yang ketujuhnya jua, yang kedelapan dan yang kesembilan menghasilkan sunat menigainya jua seperti yang enam dahulu.’

### ***Teknik Mandian Air Sembilan Menurut al-Banjari dan al-Fatani***



**Rajah 1.0 Teknik Mandian Air Sembilan Menurut al-Banjari dan al-Fatani**

### **Metodologi Kajian**

Penulisan ini akan memfokuskan kajian literatur terhadap penulisan jurnal, kitab-kitab Arab Klasik dan kontemporari dan dua manuskrip yang menjadi rujukan asas kepada pengurus jenazah Melayu Muslim iaitu Sabil al-Muhtadin dan Bughyah al-Thullab serta amalan yang dilaksanakan di lapangan. Bagi mencapai objektif tersebut, kajian ini akan menggabungkan kajian kepustakaan dan lapangan yang berasaskan metode temu bual. Temu bual juga dilaksanakan kepada empat peserta kajian yang mempunyai pengalaman minima selama 40 tahun menguruskan jenazah. Butiran temu bual adalah seperti di bawah:

1. Peserta Kajian 1 (PK1) (2022). Temu bual pada jam 10 pagi bertarikh 26 Januari 2022 bertempat di Masjid Karyah Sungai Pau, Sik, Kedah.

2. Peserta Kajian 2 (PK2) (2022). Temu bual pada jam 12 tengahari bertarikh 26 Januari 20 bertempat di Masjid Karyah Sungai Pau, Sik, Kedah.
3. Peserta Kajian 3 (PK3) (2022). Temu bual pada jam 10 pagi bertarikh 4 Mac 2022 bertempat di Masjid Pasir Mas, Pasir Mas, Kelantan.
4. Peserta Kajian 4 (PK4) (2022). Temu bual pada jam 12 tengahari bertarikh 4 Mac 2022 bertempat di Masjid Pasir Mas, Pasir Mas, Kelantan.


Data kualitatif yang dikumpulkan akan dianalisis kandungannya secara tematik bagi merumuskan kearifan tempatan pada penggunaan air sembilan ketika proses memandikan jenazah.

## Hasil Kajian

### *Teknik Mandian Air Sembilan dalam Praktik Mandi Jenazah Semasa*

Daripada kajian lapangan terhadap pengurus jenazah semasa, terdapat dua peserta kajian daripada empat peserta kajian mengemukakan praktik mandian air sembilan yang berbeza dengan apa yang dicadangkan oleh al-Banjari dan al-Fatani. Bentuknya masih mengekalkan bilangan sembilan kali mandi namun dalam praktis yang berbeza sedikit. Ia meliputi tiga kali jirusan air campuran sintok yang bertujuan menghilangkan najis, kotoran dan penghalang sampainya air pada tubuh mayat. Ketika ini juga dilakukan proses meruang iaitu mengosongkan perut mayat daripada najis. Satu jirusan pada dari bahagian kepala hingga kaki, satu jirusan pada bahagian kepala hingga kaki sebelah kanan ketika mayat dibaringkan di lambung kiri. Satu jirusan dari kepala hingga kaki sebelah kiri ketika mayat dibaringkan pada lambung kanan. Ketiga-tiga jirusan ini dianggap sekali jirusan. Jirusan ini adalah jirusan pertama. Jirusan kedua pula juga merangkumi tiga kali jirusan; seperti jika jirusan pertama, namun tujuannya ialah meratakan air mutlak kepada tubuh jenazah. Jirusan ketiga pula ialah jirusan yang dilakukan sebanyak tiga kali, merangkumi jirusan pertama yang mengandungi campuran air mawar dan cendana, jirusan kedua mengandungi air bidara dan jirusan ketiga yang mengandungi air kapur barus.

Perbezaan ini terjadi kerana pengurus jenazah semasa menggunakan air sintok sebagai fungsi sabun bagi mengembangkan kotoran dan daki yang terdapat pada tubuh jenazah. Pengurus jenazah semasa hanya menggunakan air bidara untuk fungsi awet bersama dengan penggunaan kapur barus selain daripada tujuan mengikuti sunnah Nabi SAW. Berbeza dengan al-Fatani dan al-Banjari yang menggunakan air daun bidara untuk tujuan membersihkan tubuh jenazah, fungsi mengembangkan kotoran dan daki pada tubuh jenazah selain daripada bertujuan mengikuti sunnah Nabi SAW. Teknik mandian ini dapat disimpulkan menggunakan rajah di bawah:



**Rajah 2.0 Teknik Air Sembilan Menurut Pengurus Jenazah Semasa**

### ***Kearifan Tempatan dalam Penggunaan Air Sembilan***

Orang Melayu sangat mengambil berat setiap perkara dalam hidup. Al-Quran, al-Sunnah serta panduan daripada para ulama menjadi sumber utama dalam hidup. Dalam pengurusan jenazah juga antara sumber utama ialah daripada al-Quran, al-Sunnah dan ijtihad ulama nusantara hasil paduan daripada sumber utama beserta dengan kearifan tempatan yang bersifat lokal. Kearifan tempatan digunakan bagi menyesuaikan dengan situasi setempat dan semasa. Bentuk mandian jenazah yang dipraktikkan selari dengan tuntutan al-Sunnah, seperti yang terdapat daripada rangkaian sabda Nabi SAW ketika Ummu Atiyyah dan para wanita memandikan jenazah anak Baginda SAW:

Mandikanlah dengan menggunakan air yang dicampur dengan daun bidara sebanyak tiga kali, lima kali atau lebih dari itu jika perlu dan jadikanlah yang terakhirnya dengan kapur barus.

(Bukhari: 1253; Muslim: 959)

Hadis ini menjadi panduan asas kepada pemandi jenazah dalam kalangan orang Melayu. Dalam proses memandikan jenazah, air mutlak, kapur barus dan bidara menjadi bahan utama dalam proses memandikan jenazah. Cara mandian kebanyakannya diambil daripada kitab-kitab fiqh klasik yang menghuraikan hadis di atas. Perbincangan ulama klasik pada tema memandikan jenazah terhenti pada rukun mandi jenazah tertunai dengan sempurnanya rukun mandi jenazah iaitu niat, menghilangkan najis dan meratakan air ke seluruh tubuh mayat. Ada beberapa panduan lagi disebutkan sebagai sunat seperti memandikan dengan bilangan ganjil, menyugikan jenazah, berdoa, menggunakan daun bidara dan kapur barus, mewangikan jenazah bagi yang bukan mati dalam keadaan ihram dan mewudukkan jenazah sebelum memandikan mayat.

Kewujudan air sembilan dalam masyarakat melayu mempunyai fungsi dan matlamat. Matlamat utama para ulama memperkenalkan penggunaan air sembilan ini ialah bagi memastikan jenazah dimandikan dengan penuh cermat dan teliti sebelum ia dikafankan dan disolatkan. Ia adalah sebagai bentuk penghormatan terakhir buat si mati sebelum disempurnakan proses



penguburannya. Mayat tersebut akan dipastikan bersih daripada sebarang najis yang keluar dari qubul dan dubur serta perkara yang boleh menghalang air dari sampai ke tubuh mayat tersebut. Fungsi utama yang bersifat kearifan tempatan ialah langkah-langkah ketika proses memandikan jenazah dan fungsi bahan yang digunakan ketika memandikan mayat. Dapat dilihat daripada langkah yang dilakukan para pemandi jenazah cuba sedaya upaya mempraktikkan apa yang di sebut oleh Nabi SAW tapi dengan cara yang mudah difahami oleh masyarakat.

Pengenalan langkah mandian terlebih dahulu menggunakan air bidara, kemudian dibersihkan dengan air mutlak, kemudian langkah tersebut diulang seperti dalam mandian yang dicadangkan oleh al-Fatani dengan al-Banjari pada hakikatnya merupakan kaedah yang paling mudah kerana bentuk penyediaan air mandian pada ketika dahulu menggunakan bekas yang berbeza. Orang Melayu dahulu menggunakan air yang diambil daripada perigi atau sungai berdekatan untuk memandikan jenazah. Air yang digunakan perlu diangkut. Kemudahan air pada zaman dahulu tidak semudah zaman sekarang. Suruhan Nabi SAW untuk wanita selepas haid juga menjadi sandaran, ia menggambarkan daun bidara mempunyai pelbagai fungsi termasuk fungsi penyegaran tubuh dan pembersihan. Ini didasari sabda Baginda SAW dalam rangkaian hadis di bawah:

Dari Syukbah dari Ibrahim bin al-Muhajir dia berkata: ‘Saya mendengar Safiyyah menceritakan dari Aisyah bahawa Asmak telah bertanya kepada Nabi SAW berkaitan mandi wanita lepas haid. Baginda SAW bersabda: “Salah seorang hendaklah mengambil air dan daun bidara. Maka bersucilah dengan ia dan sempurnakannya. Kemudian tuangkanlah air di kepalanya sambil memicit-micit dengan kuat hingga meresap air pada akar rambutnya, kemudian tuangkan air ke sekujur tubuhnya, setelah itu ambillah sepotong kapas yang sudah diberi minyak wangi yang digunakan untuk membersihkannya.” Asmak bertanya; ‘Bagaimana cara membersihkannya?’ Baginda SAW lalu bersabda; “Subhanallah, bersihkanlah dengannya.” Lalu Aisyah berkata : ‘Kamu bersihkan sisa-sisa darah tersebut dengan segumpal kapas.’ Dan dia bertanya kepada Baginda SAW tentang mandi junub, Baginda SAW bersabda: “Hendaklah seseorang mengambil air, kemudian bersuci dan menyempurnakan bersucinya. Kemudian hendaklah dia menuangkan air di kepalanya sambil memicit-micitnya hingga meresap pada akar rambutnya, setelah itu menuangkan air ke seluruh tubuhnya.” Aisyah berkata; ‘Sebaik-baik wanita adalah wanita Ansar, rasa malu tidak menjadi penghalang mereka untuk mendalami masalah agamanya.

(Muslim: 332; Ahmad: 6/149)

Perluasan fungsi daripada suruhan Nabi SAW untuk menggunakan daun bidara dipatuhi sepenuhnya oleh orang Melayu. Di samping itu, penggunaan daun bidara secara meluas dalam budaya Melayu dengan fungsi termasuk antipiretik untuk rawatan demam dan penahan kesakitan, bersifat antioksidan dan antibakteria sehingga boleh berfungsi sebagai sabun dan produk kecantikan dan kesihatan (Nursyafitri, E., 2017; Fauziah, 2016; Samirana et. al, 2017; Nandang et. al., 2018) . Selain daripada itu, sifat daun bidara yang dapat melembabkan kulit (Yusof, M. Y et. al., 2017) dapat mengembalikan kesegaran tubuh mayat dan menampakkan mayat dalam keadaan cantik dan sempurna (Yusof, M. Y et. al., 2017; Sari, S. Y., 2018). Langkah memandikan jenazah tiga kali dengan air campuran bidara diulang bagi memastikan tubuh jenazah benar-benar bersih dan segar sebelum dimandikan dengan menggunakan air mutlak sebanyak tiga kali.

Air sembilan yang dipraktikkan di Alam Melayu merupakan simbolik kepada pelepas atau pemutus ilmu kebatinan yang dipraktikkan oleh masyarakat terdahulu. Ia adalah simbol kepada pemutus amalan kepada sembilan jenis sihir yang ada dalam masyarakat Melayu. Sihir sembilan yang diamalkan dalam masyarakat Melayu ialah sihir pemisah seperti benci pada suami, sihir cinta seperti guna-guna dan minyak pengasih, sihir pandangan seperti susuk dan penyeri muka, sihir membuat seseorang gila seperti menyebabkan halusinasi, sihir membuat seseorang tidak bermaya seperti hilang semangat dan ingin membunuh diri, sihir penyakit seperti busung dan mati pucuk, sihir panggilan seperti membuat seseorang ingin pergi sesuatu tempat, sihir pendarahan seperti santau dan sihir penahan pernikahan seperti gagal menjawab ketika proses ijab dan kabul. Ini dapat dilihat daripada kenyataan peserta kajian di bawah:

‘Ilmu-ilmu ini perlu ditawarkan dan dihentikan fungsinya dengan memandikan jenazah menggunakan air sembilan. Jika gagal dilakukan, proses memandikan jenazah akan diganggu dengan peristiwa pelik seperti mayat seolah-olah belum meninggal dan keluarga juga akan diganggu setelah mayat dikebumikan seperti gangguan pernapasan dan mayat seolah masih hidup dan berkeliaran di rumah’

(PK 1, 2022)

Proses air sembilan juga digunakan oleh pengurus jenazah zaman dahulu untuk menghilangkan air kotor jenazah yang digunakan untuk mengaktifkan permulaan sihir. Kebanyakan sihir dalam masyarakat Melayu menggunakan bahan-bahan daripada jenazah seperti kain kafan, tanah kubur dan air mandian jenazah. Dalam penggunaan air sembilan, daun bidara digunakan sebagai bahan pencuci daki dan kotoran tubuh jenazah. Pengamal sihir akan cuba dapatkan air mandian daun bidara untuk melakukan ritual bagi permulaan sihir. Justeru, bagi menghilangkan air bidara, air mutlak disiram pada tubuh jenazah dan dialirkan mengikut aliran air siraman bidara dan akan menghilangkan kesan air tersebut. Ini dapat dilihat daripada kenyataan peserta kajian di bawah:

‘Air mutlak akan disiram selepas setiap kali penggunaan air bidara bagi menghilangkan air bidara di tanah bagi mengelakkan air tersebut diambil oleh pengamal sihir yang boleh digunakan untuk pelbagai tujuan yang tidak baik.’

(PK 3, 2022)

Lebih daripada air sembilan yang belum di mandikan pula digunakan untuk tujuan perubatan seperti penyakit kemurungan keluarga si mati, demam, sakit kulit, sakit kepala, menghilangkan jerawat di muka dan sakit kaki. Lebih air sembilan ini digunakan dengan cara membasuh di tempat sakit dan memandikan pesakit dengan air tersebut (Mayasari, 2014). Kenyataan ini juga di sokong oleh data lapangan:

‘Air sembilan yang lebih, dan tidak digunakan biasanya kita bagi mandi keluarga yang sedih atas kehilangan si mati, dan ia sebagai bentuk pelepas kerinduan keluarga terhadap si mati’.

(PK3, 2022)

‘Lebih air sembilan biasanya kita guna untuk mandikan ahli keluarga sebagai pelepas kepada ingatan terhadap si mati. Insya-Allah lepas dimandikan akan beransur kesedihan atas kehilangan si mati’

(PK4, 2022)

## Perbincangan

Daripada perbincangan fungsi air sembilan, dapat dilihat 4 fungsi utama penggunaan air sembilan dalam proses memandikan jenazah masyarakat Melayu. Fungsinya ialah; membersihkan jenazah dengan penggunaan daun bidara, cendana dan akar sintok. Fungsi ini adalah fungsi seperti yang ditunjukkan di dalam sunnah Nabi SAW. Apa yang ditunjukkan oleh hadis Nabi SAW diperluaskan dengan penggunaan daun bidara dan air dalam masyarakat Melayu sebagai antiperatik, antibakteria dan antioksidan. Penggunaan daun bidara dan air ini sangat meluas dalam masyarakat Melayu. Penambahan penggunaan selain daripada daun bidara seperti penggunaan sintok dan serbuk cendana juga adalah bersifat kearifan tempatan yang pada asasnya mempunyai tujuan tambahan daripada fungsi daun bidara. Penggunaan air sintok selain daripada mengembangkan daki dan kotoran pada badan mayat, ia juga digunakan untuk mengembalikan kelembapan dan kesegaran pada kulit mayat.

Penggunaan serbuk cendana pula semasa mandian ialah untuk fungsi menghalang serangga memasuki rongga mayat dan menghentikan pendarahan bagi kes kemalangan dan jenazah kritikal. Pada kawasan tertentu seperti di kepulauan atau di tempat yang sukar untuk menemui daun bidara, daun inai digunakan. Di kepulauan Sabah, air santan digunakan sebagai ganti fungsi daun bidara. Santan juga berfungsi mengembangkan daki dan kotoran pada tubuh jenazah. Ia digunakan kerana sukar menemui daun bidara. Selain daripada itu, daun inai juga digunakan untuk menghentikan darah yang mengalir dan nanah-nanah pada tubuh jenazah. Jika dilihat pada penggunaan fungsi air sintok dan air cendana dalam pengurusan jenazah masyarakat Melayu, ia tidak bertentangan dengan nas-nas umum yang terdapat dalam al-Quran yang membenarkan penggunaan unsur-unsur alam dalam urusan kehidupan manusia antaranya ialah seperti terjemahannya:

‘Dan Dia memudahkan untuk kamu, segala yang ada di langit dan bumi (sebagai rahmat pemberian) daripadaNya. Sesungguhnya semua itu mengandungi tanda-tanda yang membuktikan kemurahan dan kekuasaannya bagi kaum yang berfikir’.

(al-Jaathiyah 45: 13)

‘Tidakkah kamu perhatikan sesungguhnya Allah telah menundukkan untuk (kepentingan kamu apa yang di langit dan di bumi dan menyempurnakan untukmu nikmat lahir dan batin. Dan di antara manusia ada yang membantah tentang (keesaan) Allah tanpa ilmu pengetahuan atau petunjuk dan tanpa kitab yang memberi penerangan’.

(Lukman 31: 20)

‘Dan Dia menundukkan pula apa yang Dia ciptakan untuk kami di bumi dengan berlain-lainan macamnya. Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar terdapat (kekuasaan Allah) bagi kaum yang mengambil pelajaran’

(al-Nahl 16: 13)

Penggunaan selain daripada daun bidara dalam proses memandikan jenazah juga telah dipraktikkan secara meluas. Tujuannya juga berdasarkan kepada pengalaman orang Melayu berinteraksi dengan alam. Penggunaannya adalah untuk tujuan baik seperti menghilangkan bau jenazah, menghentikan pendarahan dan nanah serta menghindarkan jenazah daripada serangga yang boleh mencacatkan pandangan dan mengelakkan rasa tidak selesa penziarah. Justeru, ia telah menjadi *uruf* yang menjadi amalan setempat masyarakat. *Uruf* masyarakat jika tidak

terdapat pertentangan dengan nas-nas umum, maka hukumnya di bolehkan, dan dianggap sebagai *uruf* sah yang diterima dalam penetapan hukum syarak. Dalam kes penggunaan inai umpamanya, selain daripada pengalaman masyarakat yang bersifat kearifan tempatan dengan pelbagai fungsi, terdapat sebuah hadis yang mencatatkan Rasulullah SAW pernah menggunakan ini untuk tujuan penyembuhan luka dan nanah seperti di bawah:

‘Dari Salma Ibn Rafi’, dari tuannya Ubaidullah, bahawa neneknya Ummu Salma Rafi, maula Rasulullah SAW berkata: ‘ Tidaklah Rasulullah SAW menderita luka bernanah dan tidak pula terkena duri, melainkan Baginda meletakkan inai padanya’.

(Ibnu Majah: 3505)

Fungsi kedua pula dilihat lebih tersirat dengan penamaan air sembilan sebagai simbolik kepada pelepas kepada amalan-amalan kebatinan si mati. Bentuk jirusan air sembilan ini, dengan berdalilkan sunnah dan dibaca beberapa doa, adalah untuk menghentikan amalan kebatinan si mati. Amalan mandi air daun bidara sebagai alternatif *ruqyah* menjadi kebiasaan dalam masyarakat Melayu. Seseorang yang pesakit akan dimandikan dengan air bercampur daun bidara sebagai rawatan. Justeru, memandi mayat dengan daun bidara juga adalah salah satu bentuk rawatan, memutuskan perjanjian si mati dengan makhluk halus supaya makhluk halus tidak mengganggu keluarga si mati.

Ketiga, bentuk siraman secara berselang di antara air daun bidara dan air mutlak juga bermatlamat menghilangkan air daun bidara yang mengeluarkan kotoran pada jenazah di tanah, kerana biasanya pelaku sihir akan cuba mendapatkan air bidara beserta kotoran dari jenazah untuk dijadikan bahan pemuja untuk pemulaan sihir. Sihir di rantau alam Melayu semuanya bermula daripada sisa, kotoran dan kain kafan jenazah. Keempat ialah lebih daripada air sembilan biasanya digunakan untuk tujuan penyembuhan sama ada pada keluarga atau pada pesakit yang memerlukan. Ahli keluarga dimandikan dengan lebih air tersebut bagi menghilangkan rindu terhadap jenazah, manakala pemandi jenazah atau penziarah yang terkena badi jenazah disarankan untuk mandi dengan lebih air sembilan. Air sembilan juga biasanya digunakan dalam bentuk sapu dan basuh pada anggota badan pesakit.

### **Kesimpulan**

Penulisan ini telah mendedahkan kepada pembaca berkaitan empat kearifan tempatan daripada penggunaan air sembilan dalam proses mandi jenazah. Falsafah dan simbolik pada air sembilan dijelaskan dengan terperinci. Ia juga diamalkan secara meluas dalam masyarakat tempatan. Namun begitu, kajian ini terhad pada amalan penggunaan air sembilan di dua negeri sahaja iaitu di Kelantan dan Kedah. Begitu juga ia hanya terhad di dua buah daerah secara terfokus iaitu di daerah Pasir Mas dan daerah Sik. Kajian pada masa hadapan boleh dilaksanakan dengan responden lebih ramai daripada negeri yang berbeza kerana budaya dan praktik juga boleh berbeza dengan berbezanya tempat dan masa.

### **Penghargaan**

Sekalung penghargaan dirakamkan buat Universiti Malaya di atas penganugerahan geran penyelidikan: UMG 021L-2021 yang bertajuk Konsep Dan Rawatan Badi Mayat Dalam Masyarakat Melayu Daripada Perspektif Hukum Islam.

## Rujukan

- Agustina, M. (2022). Uji Aktivitas Antipiretik Eksrak Daun Bidara (*Ziziphus Spina-Christi L.*) Pada Mencit Putih Jantan (*Mus Musculus*) Dengan Menggunakan Pelarut Etanol 70% Dan 96% (Doctoral dissertation, Politeknik Harapan Bersama Tegal).
- Al-Ghais, A. B. A. (2003). *al-Wijazah fi Tajhiz al-Janazah*. Dar al-Qasim.
- Al-Hamd, Abdul Qadir Syaibah. (2011). *Fiqh al-Islam Shar Bulugh al-Maram min Jam'I Adillati al-Ahkam*. Muassasah Ulum al-Quran.
- Al-Tahtawi, Ahmad Mustafa Qasim. (2019). *Tajhiz al-Mayyit wa Ghaslah wa Takfin wa Dufn, wa al-Dua' lah ala al-Mazhab al-Maliki*. Dar al-Fadilah
- Al-Tawati. (2010). *Al-Mubassat fi Fiqh al-Maliki bi al-Adillah*. Dar al-Fikr.
- Al-Shirazi, Abu Ishak. (1992). *Al-Muhazzab fi Fiqh al-Imam al-Shafii li abi Ishak al-Shirazi*. Dar al-Qalam
- Mayasari, D. F. (2014). *Pemahaman Masyarakat Desa Urung Terhadap Tradisi Air Sembilan Di Kecamatan Kundur Utara Kabupaten Tanjung Balai Karimun Di Tinjau Dari Aqidah Islam* (Doctoral dissertation, Universitas Islam Negeri Sultan Syarif Kasim Riau).
- Nursyafitri, E. (2017). *Mutu Fisik Dan Aktivitas Terhadap Bakteri Staphylococcus aureus Sediaan Masker Gel Peel-Off Ekstrak Daun Bidara (Ziziphus mauritiana L.) Sebagai Antijerawat*. 210093.
- Safrudin, N., & Nurfitasari, F. (2018). Analisis senyawa metabolit sekunder dan uji aktivitas antioksidan dengan metode DPPH (1, 1-diphenyl-2-picrylhydrazyl) dari ekstrak daun bidara (*Ziziphus spina-christi L.*). *Jurnal Itekima*, 7(1), 11-19.
- Sari, S. Y. (2018). *Formulasi Sediaan Sabun Cair dari Ekstrak Daun Bidara (Ziziphus Mauritiana)* (Doctoral dissertation, Institut Kesehatan Helvetia Medan).
- Wizarah al-Awqaf wa al-Syuun al-Islamiyyah. (1989). *Al-Mausuah al-Fiqhiyyah*. Wizarah al-Awqaf wa al-Syuun al-Islamiyyah
- Yusof, M. Y., Abd Rahim, R. A., Hassan, P., & Abidin, M. Z. H. Z. (2017). Beberapa aspek kearifan tempatan terhadap bahan alami yang digunakan dalam pengurusan jenazah rantau alam Melayu. *Ideology Journal*, 2(1), 14-25.
- Yusof, M. Y., Salleh, R. A. A. R., Yahaya, F., Hassan, P., Abd Munir Mohamed Noh, M. Z., & Abidin, H. Z. (2017). Funeral management in the Malay world: local knowledge and practices. *J. Appl. Environ. Biol. Sci*, 7(1S), 72-77.

## Temu bual

- Peserta Kajian 1 (PK1) (2012). Temu bual pada jam 10 pagi bertarikh 26 Januari 2022 bertempat di Masjid Karyah Sungai Pau, Sik, Kedah.
- Peserta Kajian 2 (PK2) (2022). Temu bual pada jam 12 tengahari bertarikh 26 Januari 2022 bertempat di Masjid Karyah Sungai Pau, Sik, Kedah.
- Peserta Kajian 3 (PK3) (2022). Temu bual pada jam 10 pagi bertarikh 4 Mac 2022 bertempat di Masjid Pasir Mas, Pasir Mas, Kelantan.
- Peserta Kajian 4 (PK4) (2022). Temu bual pada jam 12 tengahari bertarikh 4 Mac 2022 bertempat di Masjid Pasir Mas, Pasir Mas, Kelantan.